



Universiti Malaysia  
KELANTAN

## SYARAT DAN PERATURAN ANUGERAH IKON AKADEMIA HARAPAN 2024 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

### DEFINISI ANUGERAH IKON AKADEMIA HARAPAN 2024

Anugerah Ikon Akademia Harapan 2024 merupakan salah satu kategori anugerah yang dipertandingkan bagi Anugerah Kecemerlangan Akademia anjuran Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Universiti Malaysia Kelantan.

### OBJEKTIF ANUGERAH

Anugerah ini bertujuan mengiktiraf pencapaian ahli akademik muda yang telah mencapai kejayaan dalam pelbagai bidang dan memberi sumbangan bukan sahaja kepada pembangunan institusi, malah pembangunan masyarakat dan negara.

### SYARAT PERMOHONAN

1. Terbuka kepada semua ahli akademik Universiti Malaysia Kelantan yang **berusia 40 tahun dan ke bawah serta telah berkhidmat di UMK sekurang-kurangnya tiga tahun**.
2. Penyertaan dalam bentuk e-book slide power point hendaklah diserahkan kepada pihak urus setia sebelum atau pada **9 Oktober 2024 (Rabu)** di alamat emel [pkpa@umk.edu.my](mailto:pkpa@umk.edu.my)
3. Penilaian anugerah diambil kira bermula pada **Januari hingga September 2024**.

### KAEDAH PENILAIAN

1. Data penglibatan calon dalam aktiviti inovasi pengajaran dan pembelajaran (*PdP Innovation*) daripada Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik (PKPA).
2. Penilaian panel penilai/ juri dalam aspek-aspek seperti penyelidikan, penerbitan, keusahawanan, penglibatan komuniti dan lain-lain.

## KRITERIA PENILAIAN

Semua penyertaan akan dinilai berdasarkan kriteria berikut:

- i. Inovasi PdP (40%)
- ii. Penyelidikan PdP (20%)
- iii. Penerbitan (10%)
- iv. Keusahawanan (10%)
- v. Keterlibatan (20%)

<b>Inovasi PdP (40%)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pembangunan program akademik dan semakan kurikulum;</li> <li>ii. Penglibatan dalam aktiviti inovasi PdP (<i>blended learning</i>, PTG, pertandingan inovasi)</li> <li>iii. Pembangun MOOC, <i>Micro-credential</i>, <i>Open &amp; Distance Learning (ODL)</i>;</li> <li>iv. Anugerah akademik (iTeLIC, IUCEL, AKRI dll)</li> <li>v. Pengkomersialan produk (<i>copyright</i>, <i>patent</i>, <i>trademark</i> dan <i>platform</i> yang berkaitan dengan PdP)</li> </ul>
<b>Penyelidikan PdP (20%)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Jumlah geran PdP yang diperoleh (TeLRIC dll)</li> <li>ii. Bilangan projek sebagai Penyelidik Utama</li> </ul>
<b>Penerbitan (10%)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Jumlah penerbitan PdP (buku teks, garis panduan, modul pengajaran, polisi akademik)</li> </ul>
<b>Keusahawanan (10%)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Jumlah geran keusahawanan yang berkaitan dengan PdP (Geran Keusahawanan Berimpak Tinggi, KPM dll);</li> <li>ii. Pengkomersialan produk (<i>copyright</i>, <i>patent</i>, <i>trademark</i> dan <i>platform</i> yang berkaitan dengan PdP)</li> </ul>
<b>Keterlibatan (20%)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Dilantik sebagai jawatan giliran akademik (Penyelaras Program, Ketua Jabatan, Timbalan Dekan Akademik).</li> <li>ii. Mewakili universiti dalam seminar-seminar di peringkat nasional, antarabangsa dll.</li> <li>iii. Mewakili universiti dalam Jawatankuasa di peringkat nasional dan antarabangsa.</li> <li>iv. Menjadi pakar rujuk/penceramah/penilai/penasihat/perunding berkaitan PdP.</li> </ul>

	v. Penglibatan dalam aktiviti-aktiviti bersama masyarakat antaranya pembangunan (aplikasi/modul/website) dan lain-lain.
--	---

## **NILAI ANUGERAH**

Penerima Anugerah Ikon Akademia akan menerima **Piala Iringan dan Sijil Penghargaan**.